



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PANDUAN KURSUS UMUM UNIVERSITI PROGRAM SARJANA MUDA

Intan Zaurah Mat Darus
Mahyuddin Arsat
Akhmal Sidek



PANDUAN KURSUS UMUM UNIVERSITI PROGRAM SARJANA MUDA



SEKOLAH PENGAJIAN PRASISWAZAH
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang dalam apa juga bentuk pun dan dengan apa cara juga sama ada elektronik, fotostat, rakaman, visual atau cara lain, mana-mana bahagian artikel/ilustrasi/isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Universiti Teknologi Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan oleh:

Sekolah Pengajian Prasiswazah
Blok 52, Jalan Cengal
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim
No. Telefon: 07-553 2267

ISBN: 978-629-99825-1-7

Edisi Pertama: 2024

Editor	: Intan Zaurah Mat Darus
Co-editor	: Mahyuddin Arsat, Akhmal Sidek
Pereka kulit/ Cover Designer	: Siti Nur Amirah Shuhaimi
Atur huruf & Reka letak	: Siti Nur Amirah Shuhaimi

Dicetak oleh:

Ziegers Printing Enterprise
K10, Kolej Tun Razak
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim



Kata-kata aluan Timbalan Naib Canselor

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Buku Panduan Kursus Umum Program Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia telah pun berjaya dihasilkan. Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat menggembangkan tenaga, idea dan pandangan untuk merealisasikan buku panduan ini.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telahpun mengeluarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)) untuk mentransformasikan sistem pendidikan tinggi negara bagi memenuhi keperluan masa hadapan. PPPM (PT) menggariskan sepuluh (10) lonjakan untuk memastikan akses dan kualiti pendidikan tinggi terhadap pembangunan bakat mahasiswa bagi memacu transformasi negara.

Lonjakan pertama (1) dalam PPPM (PT) adalah untuk menghasilkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Inisiatif yang telah digariskan untuk Lonjakan pertama ini ialah dengan memantapkan kurikulum serta melengkapkan Kerangka Mata Pelajaran Umum (MPU). Justeru, buku ini dibangunkan adalah sebagai panduan dan rujukan bagi pelaksanaan kursus umum program sarjana muda pengajian sepenuh masa program di Universiti Teknologi Malaysia.

Saya berharap buku panduan ini dapat dimanfaatkan secara optimum supaya pelaksanaan kursus umum di UTM sentiasa selari dengan aspirasi kerajaan untuk membangunkan graduan yang dinamik, holistik dan berorientasikan masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Prof. Dr. Mohd Shafry bin Mohd Rahim
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)





Kata-kata aluan Pengerusi UGS

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan rahmat dan izin-Nya, Sekolah Pengajian Prasiswazah telah berjaya menyempurnakan Buku Panduan Kursus Umum Universiti Program Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia Edisi 2024.

UTM telah mengambil inisiatif memantapkan kandungan Kursus Umum dengan membuat semakan kurikulum kursus umum bagi memenuhi keperluan yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Struktur baharu Kurikulum Kursus Umum UTM ini telah melalui proses semakan dan diluluskan Senat pada Mac 2022 yang lalu.

Justeru itu, buku ini dibangunkan untuk menerangkan mengenai kursus umum baharu UTM yang terdiri daripada lima (5) kluster iaitu Nilai Teras Malaysia (Malaysia Core Value), Nilai & Jati Diri (Value and Identity), Warga Global (Global Citizen), Kemahiran Komunikasi (Communication Skills) dan Kemahiran Berdaya Usaha (Enterprising Skills).

Akhir kata, saya berharap agar penerbitan buku ini dapat memberi panduan dan rujukan kepada semua pihak yang berkaitan untuk memastikan struktur baharu ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Inisiatif ini diharapkan dalam merealisasikan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi untuk memenuhi keperluan kemahiran tahap yang lebih tinggi dalam kalangan graduan yang seterusnya dapat menyumbang dalam produktiviti dan kesejahteraan negara.

Sekian, terima kasih.

Prof. Ts. Dr. Intan Zaurah binti Mat Darus

Pengerusi, Sekolah Pengajian Prasiswazah





FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

ISI KANDUNGAN



01. PENGENALAN

- Falsafah Universiti
- Visi, Misi dan Moto Universiti

02. SEKOLAH PENGAJIAN PRASISWAZAH

- Pengenalan
- Objektif Penubuhan
- Sejarah Penubuhan
- Carta Organisasi
- Direktori Staf

03. PELAKSANAAN KURSUS UMUM UNIVERSITI

- Latar Belakang
- Matlamat Pelaksanaan Kursus Umum Universiti
- Kursus Umum Universiti Model Baharu

04. STRUKTUR KURSUS UMUM UNIVERSITI

- | | | |
|----|---|----|
| 01 | • Struktur Kursus Umum Universiti | 16 |
| 02 | • Pelaksanaan Kursus Umum Pada Semester Lazim dan Semester Pendek | 17 |

05. SINOPSIS KURSUS UMUM UNIVERSITI

- | | | |
|----|--------------------------------------|----|
| 04 | • Kluster 1: Nilai Teras Malaysia | 21 |
| 05 | • Kluster 2: Nilai dan Jati Diri | 26 |
| 06 | • Kluster 3: Warga Global | 29 |
| 07 | • Kluster 4: Kemahiran Komunikasi | 36 |
| 08 | • Kluster 5: Kemahiran Berdaya Usaha | 41 |

06. JADUAL KULIAH

- | | | |
|----|---|----|
| 10 | • Jadual Kuliah Tahun 1 – 3 (Semester Lazim) | 46 |
| 11 | • Jadual Kuliah Keseluruhan (Semester Lazim) | 49 |
| 12 | • Jadual Kuliah Tahun 1 – 2 (Semester Pendek) | 50 |

FALSAFAH UNIVERSITI

Hukum Allah adalah dasar kepada ilmu. Sejajar dengan kehendak-Nya, UTM komited secara menyeluruh dan bersepdu demi mencapai kecemerlangan dalam sains, teknologi dan kejuruteraan untuk kemakmuran dan kesejahteraan sejagat





Universiti
Terkemuka
Menyediakan
Perkhidmatan
Pendidikan dan
Penyelidikan
Bertaraf Dunia

VISI

Untuk Membangun Bakat
Holistik dan Mensejahtera
Kehidupan Menerusi Ilmu dan
Inovasi Teknologi

MISI

MOTO

Kerana
Tuhan untuk
Manusia

Sekolah Pengajian Prasiswa

School of Undergraduate Studies





SEKOLAH PENGAJIAN PRASISWAZAH SCHOOL OF UNDERGRADUATE STUDIES

Sekolah Pengajian Prasiswazah atau School of Undergraduate Studies (UGS) menerusi penstrukturran semula Institut Siswazah Tersedia Kehidupan (UTM iLeaGue) pada September 2023 bertanggungjawab terhadap governan, polisi, garis panduan dan peraturan akademik keseluruhan pelajar prasiswazah Universiti Teknologi Malaysia.

Penawaran kursus kokurikulum berkredit oleh Pusat Kokurikulum UTM telah dimulakan sejak 1992. Kini, UGS pula menggalas bertanggungjawab menguruskan keseluruhan kursus umum universiti kepada semua pelajar prasiswazah UTM. Bagi memenuhi syarat untuk pengijazahan, jumlah Kursus Umum Universiti termasuk Kursus Kokurikulum Berkredit yang perlu diambil oleh pelajar adalah 10 kredit bagi pelajar yang mengikuti program Diploma dan 16 kredit bagi yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda secara sepenuh masa dan separuh masa.

Di samping itu, UGS juga bertanggungjawab melaksanakan aktiviti akademik dan pengalaman pembelajaran yang boleh membentuk atribut pelajar dalam aspek kemahiran insaniah, kemahiran sosial dan pembangunan karakter. Ini sejajar dengan aspirasi UTM untuk menghasilkan Graduan Berkualiti Tinggi Berorientasikan Masa Depan, *Future Oriented High Quality Graduate*.



OBJEKTIF PENUBUHAN


- 1 Mendedahkan mahasiswa kepada semangat bekerjasama dan boleh bekerja dalam satu pasukan.
- 2 Memberikan peluang kepada mahasiswa untuk menyertai kursus kokurikulum berdasarkan minat, bakat dan keupayaan masing-masing.
- 3 Memenuhi hasrat universiti untuk membangunkan sahsiah mahasiswa bagi melahirkan masyarakat beradab, berilmu, berdedikasi, bertanggungjawab dan berdikari.
- 4 Memberikan pendedahan kepada mahasiswa tentang isu-isu penting berkaitan dengan pembangunan negara melalui penglibatan bersama komuniti dan alam sekitar dalam projek khidmat komuniti.
- 5 Melatih mahasiswa tentang aspek perancangan dan pelaksanaan sebagai pengetahuan berguna yang dapat melengkapkan diri mereka sebagai pemimpin generasi yang serba boleh pada masa hadapan.

SEJARAH PENUBUHAN

	1992 PENUBUHAN PUSAT KOKURIKULUM UTM	2006 PEJABAT PENGAJIAN PRASISWAZAH (UGS) BEROPERASI DENGAN RASMINYA	2009 PENAMAAN SEMULA PUSAT KOKURIKULUM UTM KEPADA PUSAT KURSUS UMUM & KOKURIKULUM (CGCC)
2010 PENUBUHAN PUSAT INOVASI PELAJAR (CSI) DI BAWAH UGS	2013 PENUBUHAN PUSAT KEUSAHAWANAN TEKNOLOGI (UTMTEC)	2014 PENJENAMAAN SEMULA PUSAT KURSUS UMUM & KOKURIKULUM (CGCC) KEPADA PUSAT KOKURIKULUM & PEMBELAJARAN SERVIS (CCSL)	2015 PENUBUHAN PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK DI BAWAH UGS
2020 PENUBUHAN UTM ILEAGUE YANG MENGGABUNGKAN PEJABAT PENGAJIAN PRASISWAZAH (UGS) DENGAN PUSAT INOVASI PELAJAR DAN KEUSAHAWANAN TEKNOLOGI (XCITE)	2023 PENUBUHAN SEKOLAH PENGAJIAN PRASISWAZAH (UGS)	KINI	




CARTA ORGANISASI



DIREKTORI STAF




**Prof. Ts. Dr. Intan Zaurah
binti Mat Darus**
Pengerusi
intan@utm.my



**Prof. Madya Dr.
Mahyuddin bin Arsat**
Timbalan Pengerusi
mahyuddin@utm.my



**Ts. Dr. Mohd Akhmal
bin Muhamad Sidek**
Pengurus
akhmalsidek@utm.my



**Dr. Rasheed bin
Mohamed Kutty**
Pengurus
rasheed@utm.my



**Puan Hazila
binti Rahmat**
Timbalan Pendaftar
hazila@utm.my



**Encik Ahmad Najahalhayyi
bin Zulkifli**
Pen. Pendaftar Kanan
ahmadnajah@utm.my



**Puan Amira Huda
binti Amran**
Pen. Pendaftar
amirahuda@utm.my



**Puan Nurul Diana
binti Kayat**
Pen. Pendaftar
nuruldiana.k@utm.my



**Puan Mariaty
binti Mansor**
Setiausaha Pejabat
mariaty@utm.my



**Encik Mohd Khirie
Mutalib bin Mat Kassim**
Pen. Pegawai Tadbir
khirie@utm.my



**Encik Mohd Nazih
bin Nordin**
Pen. Pegawai Tadbir
mohdnazih@utm.my



**Puan Nor Farahani
binti Idris**
Pen. Pegawai Tadbir
norfarahani@utm.my



**Puan Liana
binti Bakar**
Pembantu Tadbir Kanan
r-liana@utm.my



**Puan Norlida
binti Sajimin**
Pembantu Tadbir Kanan
snorlida@utm.my



**Encik Adam
bin Mohd Taha**
Pembantu Tadbir Kanan
adam@utm.my



**Encik Shamsuddin
bin Mohamed**
Pembantu Tadbir Kanan
shamsuddin@utm.my



**Encik Ardiyanto
bin Arda**
Pembantu Tadbir
ardiyanto@utm.my



**Encik Ahmad Fadli
bin Othman**
Pembantu Tadbir
fadli@utm.my



**Encik Mohamad Faris
bin Umar**
Pembantu Tadbir
mfarisumar@utm.my



**Puan Nur Hazwane
binti Din**
Pembantu Tadbir
hazwane.kl@utm.my



**Encik Mohd Izhar
bin Dorani**
Pembantu Operasi
izhar@utm.my



**Encik Anuar
bin Sulong**
Pembantu Operasi
anuarsulong@utm.my



**Encik Shamsuri
bin Kordi**
Pembantu Operasi
shamsuri@utm.my



**Encik Mohamad Rosli
bin Mohamad Nazer**
Pembantu Operasi
mrosli.kl@utm.my

Pelaksanaan Kursus Umum Universiti



Latar Belakang

PELAKSANAAN KURSUS UMUM

Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) telah diperkenalkan berteraskan cabang falsafah ilmu yang melibatkan bidang keilmuan kajian kemanusiaan, sains tulen dan sains sosial. MPU adalah salah satu strategi serta inisiatif yang dirancangkan bagi tujuan di dalam Lonjakan 1 iaitu Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) yang menggariskan 10 lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem pendidikan tinggi negara dan aspirasi pelajar.

- Struktur MPU ini, dilihat mampu untuk melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri mengikut acuan Malaysia serta menguasai kemahiran insaniah ke arah memenuhi kebolehpasaran kerja.
- Bagi mencapai aspirasi Lonjakan 1, graduan perlu didedahkan dengan kepakaran ilmu serta kepakaran teknikal yang relevan dan sesuai untuk menangani cabaran global, demi meningkatkan daya tahan yang tinggi serta berupaya dalam membuat keputusan yang beretika.
- Menerusi MPU, hasrat agar kepentingan nilai moral, jati diri kebangsaan, kefahaman terhadap budaya dan ketamadunan, kesedaran diri dan kemahiran berinteraksi sesama manusia bagi setiap graduan dapat diterapkan.
- Graduan juga diharapkan dapat membina sifat murni, rasa tanggungjawab dan semangat patriotisme. Semua ini akan menyumbang secara aktif kepada masyarakat Malaysia dan arena global.

Matlamat Pelaksanaan Kursus Umum Universiti



Kursus Umum Universiti Model Baharu

**Pelan Pembangunan
Pendidikan Malaysia 2015-
2025 (Pendidikan Tinggi)
(PPPM-PT)**

mentransformasikan sistem
pendidikan tinggi negara
bagi memenuhi keperluan
masa hadapan

Semakan terhadap kursus umum Universiti **mengambil kira** kemunculan kemahiran baharu akibat daripada **Revolusi Industri 4.0** dan terkini **Revolusi Industri 5.0** serta **keperluan pekerjaan masa hadapan**.

- Mengambil kira **hala tuju RMK-12** yang telah menggariskan penumpuan kepada pembangunan bakat masa hadapan iaitu pelajar melalui peningkatan kualiti pendidikan.
- Meningkatkan **penggunaan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar** dengan menerapkan **New Academia Learning Innovation (NALI)** dan memperkasakan hasil pembelajaran, hasil kursus dan proses penilaian.

Pelaksanaan Kursus Umum
Universiti Model Baharu
dijalankan **berdasarkan**:

1

Kemahiran
Insaniah

2

Pembangunan
Karakter

3

Holistik dan
Seimbang

4

Inovatif dan Berciri
Keusahawanan

Kelulusan Senat untuk pembangunan
kursus umum model baharu
pada **30 Mac 2022**.

Pelaksanaan bermula pada
Sesi 2022/2023 Semester 1.



Struktur Kursus Umum Universiti

Struktur Kursus Umum Universiti

Nilai Teras Malaysia (Malaysia Core Value)	Nilai & Jati Diri (Value and Identity)	Warga Global (Global Citizen)	Kemahiran Komunikasi (Communication Skills)	Kemahiran Berdaya Usaha (Enterprising Skills)
4 KREDIT	2 KREDIT	2 KREDIT	6 KREDIT	2 KREDIT
<p>Pelajar Warganegara</p> <ul style="list-style-type: none">• ULR1022 Falsafah dan Isu Semasa• ULR1182 Penghayatan Etika dan Peradaban <p>Pelajar Bukan Warganegara</p> <ul style="list-style-type: none">• ULR1022 Falsafah dan Isu Semasa <p>Dan</p> <ul style="list-style-type: none">• UHLM1012 Bahasa Malaysia Komunikasi 2	ULRS1032 Integiti Dan Anti Rasuah (Integrity and Anti Corruption)	ULRF2XX2 Kursus Pembelajaran Servis & Penglibatan Komuniti (Service Learning & Community Engagement Courses)	<ul style="list-style-type: none">• UHLB2122 Kemahiran Komunikasi Profesional 1 (Professional Communication Skills 1) <p>Dan</p> <ul style="list-style-type: none">• UHLB3132 Kemahiran Komunikasi Profesional (Professional Communication Skills 2) <p>Dan</p> <ul style="list-style-type: none">• UHLX 1122 Elektif Komunikasi Bahasa Asing (Foreign Language for Communication)	ULRS3032 Keusahawanan dan Inovasi (Entrepreneurship & Innovation)

Pelaksanaan Kursus Umum Universiti Pada Semester Lazim

Kursus	Tahun 1		Tahun 2		Tahun 3	
	Sem 1	Sem 2	Sem 3	Sem 4	Sem 5	Sem 6
ULRS1O22 Falsafah dan Isu Semasa			Kump. A	Kump. B		
ULRS1182 Penghayatan Etika dan Peradaban	Kump. A	Kump. B				
UHLM1012 Bahasa Malaysia Komunikasi 2	Kump. A	Kump. B				
ULRS1O32 Kursus Integriti dan Anti Rasuah	Kump. B	Kump. A				
ULRF2XX2 Elektif Pembelajaran Servis & Penglibatan Komuniti			Kump. B	Kump. A		
UHLB2122 Kemahiran Komunikasi Profesional 1			Kump. A	Kump. B		
UHLB3132 Kemahiran Komunikasi Profesional 2					Kump. B	Kump. A
UHLX1112 Elektif Komunikasi Bahasa Asing					Kump. B	Kump. A
ULRS3O32 Keusahawanan dan Inovasi					Kump. A	Kump. B
Elektif Bebas			Kump. A/B		Kump. A/B	

Kumpulan A: FKA, FABU, FSSK, FEST, FM & FS

Kumpulan B: FKM, FKE, FKT, FC & SPACE

*FAI & MJIIT akan menawarkan Kursus Umum Universiti pada setiap semester

Pelaksanaan Kursus Umum Universiti Pada Semester Pendek

Kursus	Tahun 1	Tahun 2
	Semester Pendek	Semester Pendek
ULRS1O22 Falsafah dan Isu Semasa		
ULRS1182 Penghayatan Etika dan Peradaban		
UHLM1O12 Bahasa Malaysia Komunikasi 2		
ULRS1O32 Kursus Integriti dan Anti Rasuah		
ULRF2XX2 Elektif Pembelajaran Servis & Penglibatan Komuniti		
UHLB2122 Kemahiran Komunikasi Profesional 1		
UHLB3132 Kemahiran Komunikasi Profesional 2		
UHLX1112 Elektif Komunikasi Bahasa Asing		
ULRS3O32 Keusahawanan dan Inovasi		



Ditawarkan di semua Fakulti



Tidak ditawarkan

Sinopsis Kursus Umum Universiti



Kursus Umum Universiti terbahagi kepada

LIMA (5) KLUSTER





KLUSTER 1: NILAI TERAS MALAYSIA

Kluster 1 (Nilai Teras Malaysia) menawarkan tiga (3) kursus berbeza iaitu

- Falsafah dan Isu Semasa (ULRS1022),
- Penghayatan Etika dan Peradaban (ULRS1182)
- Bahasa Malaysia Komunikasi 2 (ULRS1012)

Sinopsis Kursus Kluster 1

[ULRS1022] FALSAFAH DAN ISU SEMASA

Kursus ini merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara.



> [ULRS1022] FALSAFAH DAN ISU SEMASA

Penggunaan falsafah sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan.

Topik utama dalam falsafah

- **epistemologi,**
- **metafizik dan**
- **etika**

dibincangkan dalam konteks isu semasa.

Penekanan diberi kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya.

Di akhir kursus ini...

Pelajar akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain.

Selain menerapkan elemen kemahiran digital dan etika serta profesionalisme, kursus ini melibatkan:

PEMBELAJARAN
KOLABORATIF
(COLLABORATIVE
LEARNING)

dan

PEMBELAJARAN
TERADUN
(BLENDED
LEARNING)

Sinopsis Kursus Kluster 1

[ULRS1182] PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

Kursus ini adalah menerangkan tentang konsep etika daripada perspektif peradaban yang berbeza.

Tujuan Kursus:

Ia bertujuan bagi

- mengenal pasti sistem,
- tahap perkembangan,
- kemajuan dan
- kebudayaan sesuatu bangsa

dalam mengukuhkan kesepaduan sosial.

Selain itu, perbincangan berkaitan isu-isu kontemporari dalam aspek ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban dapat melahirkan pelajar yang bermoral dan profesional. Penerapan amalan pendidikan berimpak tinggi (HIEPs) yang bersesuaian digunakan dalam penyampaian kursus ini.

Di akhir kursus ini...

Pelajar akan dapat menghubung kaitkan etika dan kewarganegaraan berminda sivik.

Sinopsis Kursus Kluster 1

[UHLM1012] BAHASA MALAYSIA KOMUNIKASI 2

Kursus ini adalah untuk pelajar sarjana muda antarabangsa yang tidak menggunakan bahasa melayu sebagai bahasa komunikasi. Kursus ini memberi tumpuan kepada aspek komunikasi untuk membantu pelajar menyesuaikan diri dengan kehidupan kampus.

Penekanan diberikan

kepada komunikasi lisan dalam pelbagai situasi untuk membolehkan pelajar berinteraksi dengan orang ramai dan bergaul dengan masyarakat setempat.

Di akhir kursus ini...

Pelajar adalah diharapkan dapat berkomunikasi dan menulis menggunakan ayat yang mudah dengan berkesan.



A photograph of a woman sitting on a grassy hillside, holding a baby. In the background, a child is climbing a large tree. The scene is set outdoors with autumn-colored trees in the background.

KLUSTER 2: NILAI DAN JATI DIRI

Kluster 2 menawarkan satu (1) kursus iaitu
Integriti dan Anti Rasuah (ULRS1032)

Sinopsis Kursus Kluster 2


[ULRS1032] INTEGRITI DAN ANTI RASUAH

Kursus ini mengetengahkan teras utama UTM yang menjadi penggerak kepada modal insan yang kreatif dan inovatif untuk memenuhi keperluan negara pada masa hadapan. Konsep asas yang mendasari kursus ini adalah nilai integriti, nilai dan jati diri yang dapat membendung segala bentuk salah guna kuasa dalam kehidupan seharian serta dalam organisasi seperti rasuah; dan langkah-langkah pencegahan rasuah. Kursus ini juga menekankan kepentingan sistem nilai dan etika, yang merangkumi aspek hubungan antara manusia dan mengurus/menghargai kepelbagaian.

Di samping itu, kursus ini juga menekankan penyelesaian holistik terhadap isu-isu semasa, transformasi dan inovasi, falsafah sains dan teknologi yang berteraskan kepada nilai, integriti dan jati diri ke arah mencapai matlamat menghasilkan siswazah yang cemerlang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.



Usaha ini selari dengan komitmen negara dalam melaksanakan Agenda Pembangunan Mampan (SDG) menjelang 2030 menerusi agenda Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dengan menyediakan taraf hidup yang baik untuk semua warganegara menjelang 2030.



KLUSTER 3: WARGA GLOBAL

Kluster 3 menawarkan beberapa kursus di bawah lima kluster yang berbeza

Sinopsis Kursus Kluster 3

[ULRF2XX2] ELEKTIF KURSUS PEMBELAJARAN SERVIS & PENGLIBATAN KOMUNITI

Kluster ini menawarkan beberapa pilihan kursus di bawah lima (5) kategori berbeza.

AKADEMIK DAN PROFESIONAL

BADAN BERUNIFORM

KESUKARELAWANAN

KESENIAN DAN KEBUDAYAAN

SUKAN DAN REKREASI

Matlamat utama kursus pembelajaran ini adalah untuk membangunkan sahsiah

pelajar dengan menyemai kesarjanaan serta kemahiran beretika & profesional dan kepimpinan & kerja berpasukan. Pelajar terlebih dahulu akan diberi pendedahan kepada kemahiran-kemahiran dan diikuti dengan asas penganjuran program atau aktiviti pembelajaran.

Pelajar boleh memilih untuk memberikan maklum balas dan/atau penyelesaian kepada isu komuniti setempat yang berkaitan dengan kursus yang dipilih.

Pembelajaran reflektif menerusi pengalaman pembelajaran luar kurikulum juga membantu pelajar merenung amalan prinsip kelestarian berdasarkan penyertaan mereka dalam aktiviti luar kurikulum.

AKADEMIK & PROFESIONAL

Kluster ini menawarkan 20 pilihan kursus

ULRF2182
Teknologi Dron

ULRF2092
Literasi STEM

ULRF2162
Robotik untuk Komuniti

ULRF2192
Tenaga Kerja Digital

ULRF2202
Pengacaraan Majlis

ULRF2102
Media Digital dan Komuniti

ULRF2142
Perkhidmatan ICT untuk Komuniti

ULRF2112
Media Sosial & Penjenamaan

ULRF2152
Program Mobiliti

ULRF2032
Debat dan Pidato

ULRF2012
Cerdik Kewangan

ULRF2062
Iqra'

ULRF2062
Sains dan Komuniti

ULRF2002
Astronomi

ULRF2042
Inovasi Bioproses

ULRF2052
Inovasi dan Komuniti

ULRF2072
Kemahiran Pertanian

ULRF2082
Keselamatan Elektrik

ULRF2122
Penyelenggaraan Hawa Dingin Domestik

ULRF2132
Penyelenggaraan Kenderaan Automotif

BADAN BERUNIFORM

Kluster ini menawarkan
21 pilihan kursus

ULRF1922
PALAPES
Darat I (KD)

ULRF1942
PALAPES
Laut I (KD)

ULRF1932
PALAPES
Darat II (KD)

ULRF1952
PALAPES
Laut II (KD)

ULRF2972
PALAPES
Darat III
(KK) *SL

ULRF2992
PALAPES Laut
III (KK)

ULRF1902
SUKSIS I
(KD)

ULRF2982
PALAPES
Darat IV (KD)

ULRF3922
PALAPES
Laut IV (KD)

ULRF1912
SUKSIS II
(KD)

ULRF3912
PALAPES
Darat V (KD)

ULRF3932
PALAPES
Laut V (KD)

ULRF2952
SUKSIS III
(KK)

ULRF2942
Pertahanan
Awam I
(KK)

ULRF2922
Pertolongan
Cemas

ULRF2962
SUKSIS IV
(KD)

ULRF2941
Pertahanan
Awam II
(KD)

ULRF2951
Pertahanan
Awam III
(KD)

ULRF2902
Kelana
Siswa

ULRF3902
SUKSIS V
(KD)

ULRF2912
Pandu
Puteri

KESUKARELAWANAN

Kluster ini menawarkan
15 pilihan kursus

ULRF2252
Budi
Penyayang

ULRF2292
Pembangunan
Belia

ULRF2272
Kepimpinan
dan Komuniti

ULRF2302
Pembangunan
Karektor dan
Etiket Sosial

ULRF2242
Kelaparan
Sifar

ULRF2322
Pendidikan
Pencegahan
Dadah

ULRF2312
Pendidikan
Lestari dalam
Komuniti

ULRF2332
Pengurusan
Bencana

ULRF2352
Sains
Kesukarelawanan

ULRF2342
Pengurusan
Masjid dan
Pembangunan
Komuniti

ULRF2372
Sukarelawanan
Khidmat Rakan
Setia

ULRF2282
Komuniti
Lestari

ULRF2382
UTM Khidmat
dan
Pembelajaran

ULRF2262
Eksplorasi
Maklumat

ULRF2362
Study
Abroad

KESENIAN DAN KEBUDAYAAN

Kluster ini menawarkan
16 pilihan kursus

ULRF2402
Gamelan

ULRF2442
Koir

ULRF2542
Vivarium

ULRF2472
Orkestra

ULRF2492
Perkhidmatan
Fotokreatif

ULRF2412
Joget

ULRF2502
Reka Cipta
Fesyen

ULRF2522
Teater

ULRF2462
Kraftangan

ULRF2422
Kewartawanan
Video

ULRF2552
Seni
Persembahan
Vokal

ULRF2482
Pembuatan
Perabot

ULRF2452
Kraf Kayu

ULRF2432
Khidmat
Katering

ULRF2532
Teknologi
Hortikultur
Hiasan

ULRF2512
Simenfero

SUKAN DAN REKREASI

Kluster ini menawarkan 24 pilihan kursus

ULRF2722
Seni Bela Diri

ULRF2622
Bola Sepak

ULRF2772
Tenpin Boling

ULRF2702
Ragbi

ULRF2662
Kepegawaian
Sukan (Bola
Sepak)

ULRF2652
Golf

ULRF2732
Sepak Takraw

ULRF2632
Bola Tampar

ULRF2602
Badminton

ULRF2762
Tenis

ULRF2752
Squasy

ULRF2612
Bola Jaring

ULRF2792
Kecergasan

ULRF2682
Memanah

ULRF2842
Tinju

ULRF2742
Silat Gayung

ULRF2652
Golf

ULRF2832
Renang
(Wanita)

ULRF2682
Orienteering

ULRF2642
Futsal

ULRF2802
Kayak

ULRF2812
Woodball

ULRF2712
Renang

ULRF2822
Futsal (Wanita)

A photograph of two young women outdoors, smiling and communicating through a simple tin can phone setup. They are holding tin cans to their ears and a string connects them. The background is blurred with some international greetings visible.

KLUSTER 4: KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI

Kluster 4 menawarkan tiga (3) jenis kursus iaitu Kemahiran Komunikasi Profesional 1 [UHLB2122], Kemahiran Komunikasi Profesional 2 [UHLB3132] dan Elektif Komunikasi Bahasa Asing [ULAX1112]

Sinopsis Kursus Kluster 4

[UHLB2122] KEMAHIRAN KOMUNIKASI PROFESIONAL 1

Kursus ini memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran menulis melalui tugas membaca untuk menulis dan menyediakan pelajar untuk tuntutan penulisan dalam suasana akademik.

Dengan melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran aktif, pelajar akan dapat menganalisis teks yang dikumpulkan daripada sumber dalam talian dan luar talian yang berbeza untuk kaitan dan kegunaannya.

Berdasarkan maklumat yang dikumpul, pelajar seharusnya dapat mengarang kertas akademik yang teratur dan koheren.

Di samping itu, kursus ini akan membangunkan kemahiran rujukan pelajar menggunakan format APA.

Di akhir kursus ini...

pelajar seharusnya dapat menyampaikan pembentangan yang teratur dengan hujah yang dibangunkan dengan jelas yang menonjolkan kedua-dua perkara utama dan juga perkara sokongan.

Sinopsis Kursus Kluster 4

[UHLB3132] KEMAHIRAN KOMUNIKASI PROFESIONAL 2

Kursus ini menyediakan pelajar dengan keupayaan untuk menggunakan kemahiran komunikasi dalam konteks berkaitan profesional yang relevan dalam abad ke-21.

Melalui kedua-dua aktiviti pembelajaran gabungan dan bebas, pelajar akan meningkatkan kemahiran pertuturan dan penulisan mereka.

Oleh itu, pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat menghasilkan pertuturan yang lancar menggunakan pelbagai repertoir leksikal serta mengarang surat-menyurat dengan daftar, struktur dan konvensyen yang sesuai.

Selain itu, kursus ini juga akan mendedahkan pelajar kepada komunikasi dalam talian atau platform digital.


Di akhir kursus ini,

pelajar seharusnya dapat menghasilkan akaun yang jelas tentang diri melalui perkara yang dibangunkan dengan baik dan kesimpulan yang sesuai dalam suasana dalam talian.

Sinopsis Kursus Kluster 4

[ULAX1112] BAHASA ASING (ELEKTIF)

Kursus ini menawarkan 5 elektif bahasa. Pelajar perlu memilih salah satu (1) daripada lima (5) bahasa yang ditawarkan:



> [ULAX1112] BAHASA ASING (ELEKTIF)

Kursus ini memperkenalkan pelajar pada kemahiran asas bahasa pilihan yang merangkumi

-  Mendengar
-  Bertutur
-  Membaca
-  Menulis

Pelajar akan menguasai cara bertutur dan membina ayat bahasa tersebut.

Selain itu, pelajar juga akan didedahkan dengan tatabahasa asas dan perbendaharaan kata yang biasa digunakan.

Di akhir kursus...

pelajar seharusnya boleh membaca dan menulis teks mudah dalam bahasa asing tersebut dan berkebolehan untuk terlibat dalam perbualan mudah mengenai topik umum. Unsur budaya akan diserapkan dalam setiap pelajaran.






KLUSTER 5: KEMAHIRAN BERDAYA USAHA

Kluster 5 menawarkan kursus kusahawan dan Inovasi [ULRS3032]

Sinopsis Kursus Kluster 5

[ULRS3032] KEUSAHAWANAN DAN INOVASI

Kursus ini memperkenalkan konsep asas dan prinsip keusahawanan dan proses memulakan usaha perniagaan. Pendekatan tiga peringkat digunakan untuk mencapai hasil pembelajaran kursus:



› [ULRS3032] KEUSAHAWANAN DAN INOVASI

PERINGKAT PERTAMA

pelajar akan didedahkan dengan konsep dan prinsip keusahawanan dan ciri-ciri individu dan kemahiran yang diperlukan untuk menguruskan usaha perniagaan dengan jayanya



PERINGKAT KEDUA

mereka akan diperkenalkan dengan teknik dan alat untuk menganalisis dan menilai idea perniagaan dan prosedur untuk menuju usaha niaga di Malaysia



PERINGKAT KETIGA

mereka akan dibimbing melalui setiap peringkat pembangunan model perniagaan menggunakan idea perniagaan mereka

Selain aktiviti dalam P&P, pelajar juga akan didedahkan dengan aktiviti keusahawanan kehidupan sebenar melalui karnival keusahawanan yang mengandungi beberapa aktiviti seperti ceramah usahawan berjaya dan bengkel keusahawanan.

Jadual Kuliah



Jadual Kuliah Tahun 1 (Semester Lazim)

	1 8.00- 8.50	2 9.00- 9.50	3 10.00- 10.50	4 11.00- 11.50	5 12.00- 12.50	6 13.00- 13.50	7 14.00- 14.50	8 15.00- 15.50	9 16.00- 16.50	10 17.00- 17.50	11 18.00- 18.50
AHAD						R					
ISNIN				ULRS 1032 ULRS 1182		E	ULRS 1032 ULRS 1182				
SELASA					H						
RABU				ULRS 1032 ULRS 1182		A	ULRS 1032 ULRS 1182				
KHAMIS					T						

Jadual Kuliah Tahun 2 (Semester Lazim)

	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
	8.00-8.50	9.00-9.50	10.00-10.50	11.00-11.50	12.00-12.50	13.00-13.50	14.00-14.50	15.00-15.50	16.00-16.50	17.00-17.50	18.00-18.50
AHAD	ULRS 1022					R					
ISNIN	ULRS 1022					E					
SELASA						H	ULRF 2XX2				
RABU	ULRS 1022					A					
KHAMIS				ULRS 1022		T					

Jadual Kuliah Tahun 3 (Semester Lazim)

	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
	8.00- 8.50	9.00- 9.50	10.00- 10.50	11.00- 11.50	12.00- 12.50	13.00- 13.50	14.00- 14.50	15.00- 15.50	16.00- 16.50	17.00- 17.50	18.00- 18.50
AHAD				ULRS 3032	R		ELEKTIF BEBAS				
ISNIN					E			ULRS 3032			
SELASA					H						
RABU					A			ULRS 3032			
KHAMIS					T	ULRS 3032					

Jadual Kuliah Keseluruhan (Semester Lazim)

	8.00- 8.50	9.00- 9.50	10.00- 10.50	11.00- 11.50	12.00- 12.50	13.00- 13.50	14.00- 14.50	15.00- 15.50	16.00- 16.50	17.00- 17.50	18.00- 18.50
AHAD	ULRS 3032 (4 Seksyen)			ULRS 1022 (4 Seksyen)		R		ELEKTIF BEBAS			
ISNIN	ULRS 1022 (4 Seksyen)			ULRS 1032 (4 Seksyen) ULRS 1182 (4 Seksyen)		E	ULRS 1032 (4 Seksyen) ULRS 1182 (4 Seksyen)		ULRS 3032 (4 Seksyen)		
SELASA						H	ULRF 2XX2				
RABU	ULRS 1022 (4 Seksyen)			ULRS 1032 (4 Seksyen) ULRS 1182 (4 Seksyen)		A	ULRS 1032 (4 Seksyen) ULRS 1182		ULRS 3032 (4 Seksyen)		
KHAMIS				ULRS 1022 (4 Seksyen)		T	ULRS 3032 (4 Seksyen)				

*1 Seksyen - 130 Orang Pelajar

Jadual Kuliah Tahun 1 (Semester Pendek)

	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
	8.00-8.50	9.00-9.50	10.00-10.50	11.00-11.50	12.00-12.50	13.00-13.50	14.00-14.50	15.00-15.50	16.00-16.50	17.00-17.50	18.00-18.50
Minggu 1 dan 2	ULRS 1022					Rehat	ULRS 1022				
Minggu 3 dan 4	ULRS 1032						ULRS 1032				
Minggu 5 dan 6	ULRS 1182 UHLM 1012					Rehat	ULRS 1182 UHLM 1012				
Minggu 7 dan 8	UHLB 2122						UHLB 2122				

Jadual Kuliah Tahun 2 (Semester Pendek)

	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
	8.00-8.50	9.00-9.50	10.00-10.50	11.00-11.50	12.00-12.50	13.00-13.50	14.00-14.50	15.00-15.50	16.00-16.50	17.00-17.50	18.00-18.50
Minggu 1 dan 2	UHLB 3131					UHLB 3132					
Minggu 3 dan 4	ULRF 2XX2					ULRF 2XX2					
Minggu 5 dan 6	UHLX 1112					UHLX 1112					
Minggu 7 dan 8	ULRS 3032					ULRS 3032					



Hubungi Kami di:

Sekolah Pengajian Prasiswazah,
Universiti Teknologi Malaysia,
Bangunan L52, 81310, Johor Bahru, Johor
☎ Tel : +607-5532287

Sekolah Pengajian Prasiswazah,
Kampus UTM KL ,
Universiti Teknologi Malaysia,
Jalan Sultan Yahya Petra ,54100, Kuala Lumpur
☎ +603-26154740



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



**Universiti Teknologi Malaysia,
81310 Johor Bahru,
Johor, Malaysia.**



Dan karamkanlah Ya Allah tambakkanlah amanah



9 786299 982517